



**IKLAN PENGAMBILAN**  
**PEGAWAI PROJEK (PENGURUSAN KEWANGAN) GRED 9**  
**(SECARA KONTRAK)**  
**DI BAWAH PROJEK PELAN PELAKSANAAN KIGALI (KIP)**  
**JABATAN ALAM SEKITAR**

Jabatan Alam Sekitar ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi SEGERA kekosongan Pegawai Projek (Pengurusan Kewangan) Gred 9 (secara kontrak) di bawah Projek Pelan Pelaksanaan Kigali (KIP) di Seksyen Perlindungan Ozon, Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar WP Putrajaya untuk jawatan berikut:-

<b>JAWATAN</b>	Pegawai Projek (Pengurusan Kewangan) (secara kontrak)
<b>GRED JAWATAN</b>	GRED 9
<b>TEMPOH KONTRAK</b>	1 TAHUN (boleh dilanjutkan)
<b>PENEMPATAN</b>	JABATAN ALAM SEKITAR WP PUTRAJAYA
<b>KADAR UPAH</b>	GAJI MINIMUM RM 3,375.00 GAJI MAKSIMUM RM 11,110.00 Berserta eluan lain (ITKA, ITP dan BSH)
<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>	RM 225.00
<b>KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN</b>	1. CUTI REHAT 2. CUTI SAKIT 3. CARUMAN KWSP
<b>SYARAT KELAYAKAN</b>	
1. Warganegara Malaysia;	
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;	
3. Calon memiliki:-	
i) Ijazah sarjana muda dalam Kewangan, Perakaunan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya: Sijil profesional (CPA,ACCA) adalah kelebihan (Gaji Permulaan pada Gred 9 : RM 3,375.00);	
ii) Sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam pengurusan kewangan;	

- iii) Kemahiran analisis dan penyelesaian masalah yang kukuh;
  - iv) Berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris;
  - v) Berpengetahuan mengenai Sistem Pengurusan Kewangan (FMIS); dan
  - vi) Berpengetahuan serta berpengalaman dalam melaksanakan perolehan dan pengurusan kewangan mengikut garis panduan Kerajaan dan Bank Dunia serta mempunyai pengalaman bekerja dalam projek atau organisasi yang dibiayai oleh penderma/agensi pembiayaan luar adalah kelebihan.
4. Boleh bekerja di bawah pengawasan yang minimum dan menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan.

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

5. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **CARA MEMOHON**

Calon yang berminat hendaklah menghantar permohonan ke alamat emel [farahdiyana@doe.gov.my](mailto:farahdiyana@doe.gov.my) atau [khairani@doe.gov.my](mailto:khairani@doe.gov.my) beserta dokumen yang berikut:-

- i) Resume terkini;
- ii) Salinan sijil akademik; dan
- iii) Salinan kad Pengenalan.

Sebelum atau pada **7 Julai 2025**